



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

PENUBUHAN BELADIN FASHION CENTRE BERI MANFAAT KEPADA WANITA DI PARLIMEN BATANG LUPAR

BELADIN, 11 Ogos – Buat pertama kalinya, seramai 300 orang usahawan wanita dikumpulkan di Beladin *Fashion Centre* yang merupakan platform kepada usahawan menjalani kursus dan latihan dalam bidang jahitan dan pemasaran produk ke pasaran tempatan dan Antarabangsa. Projek ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Batang Lupar.

Projek ini merupakan salah satu inisiatif Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di bawah Jabatan Pembangunan Wanita untuk membantu usahawan wanita tempatan, golongan ibu tunggal dan wanita berpendapatan rendah untuk menjana pendapatan di samping meningkatkan ekonomi keluarga dan menjalani kehidupan berdikari melalui aktiviti keusahawanan.

YB Dato' Sri Rohani berkata, "projek Beladin *Fashion Centre* ini mampu memperkasakan wanita khususnya suri rumah, ibu tunggal dan wanita yang berada di bawah kategori B40 untuk menjana pendapatan. Tambah beliau lagi, tenaga pengajar yang terpilih telah menjalani latihan intensif selama dua (2) minggu di Singapura bagi mengasah skill dan kemahiran khusus dalam bidang jahitan agar produk yang dihasilkan dapat menembusi pasaran Antarabangsa. Selain itu, wanita yang mengikuti projek ini mampu menjadi contoh atau pun "*role model*" kepada wanita setempat agar terus berdikari dan berusaha untuk menjana pendapatan keluarga.

Sebagai permulaan, seramai 25 orang wanita berpeluang menjalani latihan jahitan dan dijangkakan seramai 300 orang lagi usahawan berjaya dihasilkan. Melalui projek ini, pengilang di Singapura akan menghantar fabrik secara pukal untuk dijahit oleh wanita-wanita tempatan. Setelah siap dijahit, pakaian tersebut akan dihantar semula ke Singapura untuk dipasarkan ke lain-lain negara.

Pelaksanaan projek ini dilihat merupakan satu inisiatif murni yang wajar dicontohi oleh pihak lain terutamanya syarikat-syarikat korporat untuk bekerjasama dengan

Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menghasilkan Program Tanggungjawab Sosial (CSR) yang dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia secara keseluruhan.

Projek ini turut mendapat kerjasama daripada Badan Bukan Kerajaan (NGO) iaitu International Women's Federation of Commerce and Industry (IWFCI). IWFCI Malaysia telah ditubuhkan secara rasmi pada 8 April 2016. Penubuhan IWFCI di Malaysia merupakan ke-12 di dunia dan YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim telah dilantik sebagai penaung bagi NGO ini.

Disediakan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 35, Persiaran Perdana
PUTRAJAYA
Tel: 03-8323 1088 E-mel: info@kpwkm.gov.my